

Bab Satu

Pengenalan

Alat tabuhan merupakan salah satu alat muzik yang penting dalam repertoire seni persembahan tradisional seperti mencipta rentak semasa persembahan. Di mana, dua buah alat tabuhan ditabuh untuk menghasilkan pola rentak tersendiri. Pola rentak yang dihasilkan dari dua buah alat tabuhan itu digabung untuk membentuk pola rentak yang lengkap. Begitu juga, alat tabuhan mempunyai peranan yang penting sebagai mengawal tempo lagu semasa dimainkan dalam persembahan sama ada tempo yang perlahan, sederhana atau cepat. Selain itu, alat tabuhan turut memainkan peranan penting sebagai memberi tanda isyarat untuk permulaan, menyambung atau tamat lagu.

Oleh itu, kepentingan alat tabuhan juga dapat dilihat pada penggunaan alat muzik itu di dalam repertoir seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam¹. Masyarakat Melayu Kelantan menggunakan alat tabuhan di dalam repertoir Wayang Kulit Siam, Makyong dan Main Puteri sebagai alat muzik yang utama. Ini adalah kerana alat tabuhan menghasilkan rentak, tempo dan isyarat yang diperlukan semasa persembahan. Begitu juga, masyarakat Cam menggunakan alat tabuhan di dalam repertoir Rija dan Dhir Srwak. Repertoir Rija dan Dhir Srwak adalah merupakan repertoir yang mempunyai hubungan dengan semangat.² Masyarakat Cam juga menggunakan alat tabuhan sebagai alat yang menghasilkan

¹ Satu bangsa yang berasal daripada keturunan "Austronesian" dan menganuti kepercayaan agama Islam dan sebilangan mereka masih menganuti kepercayaan Hindu. Berpusat di bahagian tengah Vietnam terutama di Phang-rang. Lihat pada Danny J. Whitfield, ed., Historical and Cultural Dictionary of Vietnam (New York: The Scarecrow Press, 1976), hlm. 38-40, G. Maspero, The Kingdom of Champa (New Haven: University of Yale, 1949), hlm. 7-8 dan P. B. Lafont, Semenanjung Indocina: Satu Pengenalan, terjemahan, Mohd Zain Musa (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hlm. 139-156.

² Lihat pada Amu Nhanh, "Nach O Cham" di dalam Kinnté Vanttao Dantoc Cham, terjemahan, ("Mengenai Muzik Cam", Ekonomi dan Kebudayaan Bangsa Cam) (Ho Chi Minh: Open University of Ho Chi Minh, 1992), hlm. 62-63.

rentak, tempo dan isyarat. Oleh demikian, penggunaan alat tabuhan dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam amat perlu dan penting.

Definisi tabuhan

Tabuhan boleh ditakrif sebagai sesuatu aktiviti yang dilakukan ke atas sesuatu benda yang menimbulkan kesan bunyi. Manakala, istilah tabuhan dalam bahasa Inggeris diistilahkan sebagai "beating".³ Menurut Nestico pula, istilah "beating" dalam muzik boleh dikategorikan kepada tiga jenis yang berbeza iaitu "fermata" atau "pause", "cadenza" dan "bridge".⁴

³ Judy Pearsall and Bill Trumble, ed., The Oxford English Reference Dictionary, Second Edition, (New York: Oxford University Press, 1996), hlm. 123.

⁴ Lihat kepada Sammy Nestico, Classical & Contemporory Music Vocabulary: The Complete Arranger (New York: Fenwood Music, 1993), hlm. 334-337, Denis Arnold, ed., The New Oxford Companion to Music, Volume 1. A-J (New York: Oxford University Press, 1983) dan Micheal Kennedy, ed., The Concise Oxford Dictionary of Music, Fourth Edition (New York: Oxford University Press, 1996), hlm. 68, 116 dan 247.

Jenis pertama iaitu dalam istilah muzik barat dipanggil "fermata" atau "pause". Istilah "pause" adalah merupakan istilah muzik daripada bahasa Inggeris yang bermaksud tabuhan yang dilakukan pada hujung lagu. Contoh, dalam repertoire Wayang Kulit Siam di Kelantan didapati bahawa terdapat tabuhan yang dilakukan pada hujung lagu oleh pemain geduk seperti dalam lagu Bertabuh dan lagu Pak Dogol. Pemain geduk menabuh geduk di hujung lagu sebagai menanda isyarat bahawa lagu yang dimainkan akan ditamatkan.

Jenis kedua pula iaitu "cadenza". Istilah "cadenza" merupakan istilah muzik dalam bahasa Itali yang menerangkan tabuhan yang dilakukan pada pertengahan lagu secara solo. Ia juga bermaksud bahawa tabuhan dilakukan secara improvisasi dengan memberi satu pukulan yang khusus semasa lagu dimainkan. Contohnya, pemain gendang dalam repertoire Wayang Kulit Siam di Kelantan melakukan beberapa improvisasi di bahagian tengah lagu kepada rentak yang berbeza secara solo seperti di dalam lagu Berjalan dan lagu Binatang Berjalan.

Manakala jenis ketiga, iaitu istilah "bridge". Istilah "bridge" merupakan istilah muzik yang diambil daripada bahasa Inggeris yang bermaksud menyambung dua bahagian secara bersama dalam bentuk yang penuh. Istilah ini dapat menjelaskan bagaimana tabuhan dilakukan untuk menyambung kedua-dua lagu secara bersama-sama dalam persembahan. Contohnya, semasa perbukaan persembahan repertoire Wayang Kulit Siam di Kelantan didapati bahawa terdapat penyambung lagu di antara lagu Bertabuh dengan lagu Hulubalang. Selepas pada kaden akhir lagu Bertabuh dimainkan didapati bahawa terdapat pemain gendang terus menabuh beberapa bit untuk menyambung lagu Bertabuh dengan lagu Hulubalang.

Daripada perbincangan mengenai tabuhan dalam muzik didapati bahawa tabuhan adalah bermaksud menandakan isyarat sesuatu lagu yang dimainkan akan ditamatkan iaitu apabila tabuhan dilakukan pada hujung lagu. Selain itu, tabuhan juga dimaksudkan sebagai improvisasi kepada lagu apabila pemain gendang menabuh secara solo dibahagian tengah lagu dengan mengubah

rentak lagu itu kepada rentak yang berbeza. Begitu juga, tabuhan dimaksudkan sebagai penyambung kepada lagu apabila lagu yang dimainkan disambungkan dengan lagu yang lain.

Klasifikasi alat muzik tabuhan

Berdasarkan kepada definisi tabuhan yang telah dibincangkan, alat tabuhan dapat ditentukan ke dalam kumpulan alat muzik membranofon. Kumpulan alat muzik membranofon adalah salah satu daripada empat kumpulan alat muzik yang diklasifikasikan oleh Sachs-Hornbostel pada tahun 1914.⁵ Kumpulan alat muzik membranofon menghasilkan bunyi apabila dipukul ke atas kulit yang dipasangkan pada baluh yang ditegangkan dengan kuat.⁶ Kelas kecil alat muzik membranofon dibahagikan lagi mengikut bentuk baluh dan bilangan muka kulit.⁷

⁵ Denis Arnold, ed., The New Oxford Companion to Music, hlm. 936-938.

⁶ Stanley Sadie, ed., The New Grove Dictionary of Music and Musicians, Volume 16, Second Edition (London: Macmillan Publisher Ltd, 2001), hlm. 378.

⁷ Stanley Sadie, ed., The New Grove Dictionary of Music and Musicians, Volume 16, hlm. 378-379.

Selain itu, beberapa kumpulan alat muzik lain yang diklasifikasikan oleh Sachs-Hornbostel adalah seperti idiofon, kordofon dan aerofon.

Kumpulan alat muzik idiofon adalah alat yang diperbuat daripada bahan-bahan yang bergema akibat dipukul ke atasnya. Apabila bahan alat idiofon bergetar oleh sebab gerakan memukul atau cara lain, bunyi tertentu dikeluarkan.⁸ Manakala, kumpulan kordofon pula menghasilkan bunyi daripada tali yang bergetar. Tali dipasangkan pada badan alat dan ditegangkan dengan kuat.⁹ Kumpulan alat muzik aerofon terdiri daripada alat muzik yang mengeluarkan bunyi daripada udara yang bergetar. Alat muzik ini dikenali sebagai alat tiup yang terdiri daripada badan yang berbentuk tiub dan

⁸ Denis Arnold, ed., The New Oxford Companion to Music, hlm. 936-937. Lihat juga, Stanley Sadie, ed., The New Grove Dictionary of Music and Musicians, Volume 12, Second Edition (London: Macmillan Publisher Ltd, 2001), hlm. 73-74.

⁹ Stanley Sadie, ed., The New Grove Dictionary of Music and Musicians, Volume 5, Second Edition (London: Macmillan Publisher Ltd, 2001), hlm. 763-764.

satu alat tertentu yang menyebabkan getaran dalam tiub itu.¹⁰

Berasaskan kepada sistem klasifikasi Sachs-Hornbostel, alat muzik tabuhan Melayu dan Cam dapat diklasifikasikan dalam kumpulan alat muzik membranofon. Dalam klasifikasi alat muzik membranofon, alat muzik tabuhan Melayu dan Cam boleh dibahagikan mengikut bentuk baluh dari jenis alat drum.¹¹

Baluh alat muzik tabuhan Melayu dan Cam boleh dibahagikan kepada bentuk tiub, bentuk kun, bentuk goblet dan bentuk berbingkai (Lihat lampiran B, halaman 242). Bentuk tuib dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut bentuk baluh seperti panjang dan bercembung, barel, silinder panjang dan silinder pendek.

¹⁰ Denis Arnold, ed., The New Oxford Companion to Music, hlm. 937 dan Stanley Sadie, The New Grove Dictionary of Music and Musicians, Volume 1, Second Edition (London: Macmillan Publisher Ltd, 2001), hlm. 176-178.

¹¹ Lihat pada Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik (Kuala Lumpur & Penang: The Asian Centre, 1997), hlm. 481-482.

Bentuk baluh seperti berbentuk panjang dan bercembung terdiri daripada gendang, gendang Jawa, gendang Nobat, katindiek dan ginang. Setiap alat itu mempunyai dua muka kulit binatang yang menutupi permukaannya. Gendang dimainkan dalam persembahan Wayang Kulit Siam dan Makyong (Lihat lampiran B, rajah 1, halaman 242). Gendang Jawa pula digunakan di dalam persembahan muzik gamelan (Lihat lampiran B, rajah 2, halaman 242). Manakala, gendang Nobat digunakan dalam orkestra muzik Nobat (Lihat lampiran B, rajah 1, halaman 242) dan katindiek digunakan dalam persembahan Randai (Lihat lampiran B, rajah 3, halaman 242). Ginang pula digunakan dalam persembahan repertoire Rija (Lihat lampiran B, rajah 4, halaman 242).

Bentuk baluh barel pula adalah seperti geduk dan jidur. Kedua-duanya juga mempunyai dua permukaan yang ditutupi kulit binatang seperti kulit lembu. Geduk digunakan dalam persembahan Wayang Kulit Siam (Lihat lampiran B, rajah 5, halaman 242). Manakala, jidur pula digunakan sebagai sebahagian alat muzik dalam kompong hadrah (Lihat lampiran B, rajah 6, halaman 242).

Manakala, bentuk silinder panjang adalah seperti gendang tarinai (Lihat lampiran B, rajah 7, halaman 243). Gendang tarinai mempunyai dua muka kulit yang ditutup kulit binatang pada permukaan. Gendang tarinai digunakan bagi mengiringi tarian tarinai. Bentuk yang terakhir dalam bentuk tiub adalah bentuk silinder pendek, iaitu gendang marwas yang digunakan dalam tarian Zapin (Lihat lampiran B, rajah 8, halaman 243). Gendang marwas juga terdapat dua muka kulit pada permukaan.

Bagi baluh bentuk kun adalah seperti beduk, rebana besar, rebana ubi, rebana berarak dan rebana hadrah. Beduk, rebana besar dan rebana ubi mempunyai saiz yang besar kecuali rebana berarak dan rebana hadrah dan mempunyai satu muka yang ditutupi kulit binatang kecuali beduk. Beduk digunakan dalam gamelan Jawa (Lihat lampiran B, rajah 9, halaman 243). Manakala, rebana besar dan rebana ubi sering digunakan pada majlis perkahwinan dan majlis berkhatan (Lihat lampiran B, rajah 10 dan rajah 11, halaman 244). Rebana berarak dan rebana hadrah turut digunakan pada majlis

perkahwinan, majlis berkhatan dan majlis keramaian (Lihat lampiran B, rajah 12 dan rajah 13, halaman 244).

Selain itu, bentuk goblet pula adalah seperti gedumbak (Lihat lampiran B, rajah 14, halaman 244). Gedumbak mempunyai bentuk baluh seperti piala dan kaki yang agak panjang. Gedumbak mempunyai satu permukaan yang ditutupi kulit binatang dan digunakan dalam orkestra Wayang Kulit Siam dan Menora.

Bentuk baluh berbingkai pula adalah terdiri daripada kompong, rebana, rebana kercing, rebana riba atau redap, gendang Mekmulung ibu, gendang Mekmulung penganak dan gendang Mekmulung peningkah. Bentuk baluh berbingkai mempunyai satu muka kulit binatang yang menutupi permukaannya. Biasanya, kompong dimainkan di dalam majlis perkahwinan dan majlis keagamaan Islam (Lihat lampiran B, rajah 15, halaman 245). Rebana pula digunakan dalam persembahan dikir barat dan nyanyian zikir (Lihat lampiran B, rajah 16, halaman 245). Manakala, rebana kercing digunakan dalam tarian rodat (Lihat lampiran B, rajah 17, halaman 245). Gendang

Mekmulung ibu, gendang Mekmulung penganak dan gendang Mekmulung peningkah merupakan alat muzik orkestra Mekmulung (Lihat lampiran B, rajah 18, rajah 19 dan rajah 20, halaman 245). Gendang Mekmulung ibu merupakan rebana yang bersaiz lebih besar daripada gendang Mekmulung panganak dan gendang Mekmulung peningkah.

Bidang Kajian

Kajian penyelidikan alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menjurus kepada kajian etnomuzikologi.

Kajian etnomuzikologi seperti yang diterangkan oleh Helen Myers dalam buku beliau, Ethnomusicology: An Introduction, Volume 1 menjelaskan bahawa,

"Ethnomusicology includes the study of folk music, Eastern art music and contemporary music in oral tradition as well as conceptual issues such as the origins of music, music change, music as symbol, universals in music, the function of music in society, the

comprison of musical systems and the biological basis of music and dance".¹²

Myers menerangkan kajian etnomuzikologi meliputi kajian muzik rakyat, muzik kesenian ketimuran dan muzik kentemporari di dalam tradisi lisan seperti juga isu-isu konseptual seperti muzik awalan, perubahan muzik, simbol muzik, muzik universal, fungsi muzik dalam masyarakat, perbandingkan peralatan muzik dan asas biologikal muzik dan tarian. Oleh itu, penerangan yang dikemukakan oleh Myers menunjukkan bahawa kajian etnomuzikologi tidak terhad dan kajian itu boleh dilihat dalam pelbagai aspek.

Oleh itu, kajian etnomuzikologi di Malaysia boleh dilihat kepada kategori-kategori muzik seperti muzik Melayu Proto, muzik rakyat, muzik klasik, muzik sinkretik, muzik kesukuan di Sabah dan Sarawak.

Muzik Melayu Proto telah dikaji oleh Marina Roseman dengan merujuk kepada kajian muzik orang Asli

¹² Helen Myers, ed., Ethnomusicology: An Introduction, Volume 1 (New York: Macmillan Press, 1991), hlm. 3.

Senoi Temiar. Hasil kajianya yang telah diterbitkan pada tahun 1991 iaitu Healing Sounds from the Malaysia Rainforest: Temiar Music and Medicine yang merujuk kepada hubungan muzik dan pengubatan. Semasa proses pengubatan berlangsung, muzik digunakan sepenuhnya untuk menghidupkan upacara itu dengan memperlihatkan melodi dan bentuk rentak, kandungan teks dan perbendaharan kata, pergerakan tarian, kelakuan semasa kelupaan dan susunan lagu yang dimainkan oleh alat muzik.

Manakala, muzik rakyat pula telah dikaji oleh Ku Zam Zam Ku Idris dengan menghasilkan tesis pada tahun 1978 yang berjudul, Muzik tradisional Melayu Kedah Utara: Ensembel-ensembel Wayang Kulit, Mekmulung dan Gendang Keling dengan penumpuan kepada alat-alat, pemuzik-pemuzik dan fungsi. Dalam kajian itu, beliau membincangkan mengenai alat-alat muzik dari segi cara perbuatan dan kedudukan alat muzik mengikut klasifikasi Sachs-Hornbostel. Beliau juga membincangkan mengenai pemuzik-pemuzik yang terbabit dalam ketiga-tiga genre itu dengan memberi tumpuan kepada proses pembelajaran,

cara bagaimana alat muzik dimainkan dan bayaran yang diterima oleh seseorang pemain. Selain itu, beliau juga membincangkan fungsi-fungsi yang terdapat di dalam ketiga-tiga genre itu.

Tan Sooi Beng telah membuat kajian mengenai genre bangsawan dan telah menghasilkan penerbitan yang berjudul Bangsawan: A Social and Stylistic History of Popular Malay Opera (1993) dengan merujuk mengenai sejarah sosial dan gaya. Beliau melihat bagaimana perkembangan sosial masyarakat selari dengan perkembangan hiburan seperti bangsawan dan bagaimana iklan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi masyarakat untuk datang menonton persembahan itu. Selain itu, beliau juga melihat muzik bangsawan mempunyai pergabungan unsur-unsur muzik Melayu dan Barat tetapi ciri-ciri muzik padang pasir (Arab), Jawa, Hindustan, klasik dan Cina turut dimasukkan ke dalam lagu-lagu itu. Kajian ini juga menerangkan bahawa peranan muzik kepada struktur plot cerita, perwatakan dan jenis latar belakang pentas amat penting bagi melicinkan plot cerita.

Margaret Sarkissian pula telah membuat kajian ke atas muzik sinkretik iaitu mengenai muzik dan tarian masyarakat Portugis di Melaka. Ini terdapat pada hasil kajian beliau yang bertajuk, Music, Dance and the Construction of Identity Among Portuguese Eurasian in Melaka, Malaysia yang diterbit pada tahun 1993. Kajian beliau merujuk bagaimana masyarakat Portugis dalam membina identiti masyarakat mereka melalui muzik dan tarian. Kajian ini juga telah menerangkan mengenai rentak "branyo" masyarakat Portugis di Melaka mempunyai perkaitan rapat dengan rentak joget. Kajian ini turut menekankan bahawa muzik dan tarian masyarakat Portugis perlu dijadikan sebagai satu warisan kebangsaan.

Manakala, Patricia Matusky telah menumpukan kajian ke atas muzik kesukuan di Sarawak. Penerbitan beliau yang berjudul, Musical Instruments of the Indigeneous People (1991) yang membincangkan alat-alat muzik yang digunakan dalam pelbagai genre di Sarawak. Setiap fungsi dan peranan alat muzik itu mengikut bagaimana ia digunakan dalam upacara ritual dan hiburan. Begitu juga, cara perbuatan alat-alat muzik bergantung kepada

suku-suku masyarakat itu sendiri mengikut kepercayaan mereka.

J. P. Ongkili telah membuat kajian muzik kesukuan di Sabah terutamanya pada alat-alat muzik yang terdapat pada penduduk peribumi Sabah. Tulisan beliau yang berjudul, The Traditional Musical Instruments of Sabah (1974) yang menerangkan alat-alat muzik tradisional di Sabah. Setiap penggunaan alat muzik bergantung kepada fungsi dan peranan alat-alat muzik di dalam suku-suku di Sabah. Kebanyakan alat-alat muzik suku-suku di Sabah digunakan di dalam upacara ritual dan hiburan.

Selain itu, penulisan mengenai muzik kesukuan di Sabah juga dapat dilihat pada penulisan Jacqueline Pugh-Kittingan yang diterbit pada 1998 iaitu bertajuk Instruments and Instrumental Music of the Tambunan Kadazan/Dusun. Kajian ini memberikan perdedahan ke atas alat-alat muzik yang terdapat pada suku Kadazan/Dusun secara mendalam. Selain itu, kajian ini juga telah mengklasifikasikan alat-alat muzik suku Kadazan/Dusun mengikut klasifikasi Sachs-Hornbostel. Kajian ini juga

menerangkan suku Kadazan/Dusun banyak menggunakan alat muzik daripada kumpulan idiofon. Begitu juga, fungsi dan peranan alat-alat muzik yang terdapat pada suku Kadazan/Dusun turut dibincangkan.

Berbandingkan dengan kesemua hasil-hasil kajian yang telah dibincangkan, bidang kajian yang dilakukan sekarang meliputi di dalam kategori muzik rakyat. Ini adalah kerana dalam muzik rakyat, alat muzik tabuhan merupakan alat muzik yang dominan dan penting.

Hipotesis

Berdasarkan kajian ini, alat muzik tabuhan dijadikan fokus atau tumpuan untuk memperlihatkan hubungan kebudayaan di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Ini adalah kerana masyarakat Melayu Kelantan dan Cam tinggal di wilayah yang berbeza dan terpisah oleh Teluk Siam.

Oleh itu, kajian alat muzik tabuhan di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Cam dilakukan untuk memperlihatkan bagaimana penerimaan alat muzik tabuhan

oleh masyarakat Cam. Ini adalah kerana masyarakat Cam didapati menggunakan bentuk baluh alat muzik tabuhan yang hampir sama dengan bentuk baluh alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan iaitu bentuk baluh tong panjang dan cembung ditengahnya di samping bentuk baluh berbingkai.

Begitu juga dalam melihat hubungan alat muzik tabuhan di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Cam, beberapa andaian digunakan dengan mengikut teori akulturasi. Andaian itu digunakan untuk memperlihatkan bagaimana berlaku proses pengaliran alat muzik tabuhan Melayu Kelantan ke Campa kerana masyarakat Melayu Kelantan dan Cam berada di lokasi yang berbeza.

Daripada perbincangan tersebut dapat menunjukkan berlaku hubungan kebudayaan yang terjalin di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Cam melalui alat muzik tabuhan. Di mana, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menggunakan alat muzik tabuhan di dalam orkestra muzik repertoir seni persembahan dan menjadi alat muzik yang penting.

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan lapangan bagi memperolehi data-data yang diperlukan. Kaedah penyelidikan ini turut menggunakan pendekatan pemerhatian ikut serta (*participant observation*). Pendekatan pemerhatian ikut serta ini seperti yang diterangkan oleh Myers ialah,

"the researcher lives in the community, participates in daily life, especially musical activities, records observation and asks community member to comment on them".¹³

Ini adalah selari dengan konsep mengenai kajian lapangan yang memerlukan seseorang etnomuzikologi ikut serta bersama masyarakat yang dikaji. Bagi pemerhatian ikut serta, penyelidik perlu tinggal bersama dengan masyarakat yang dikaji itu. Penyelidik perlu membuat pemerhatian kehidupan masyarakat itu pada setiap hari bagi memperolehi maklumat atau data mengenai aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat yang dikaji. Pemerhatian

¹³ Helen Myers, ed., Ethnomusicology: An Introduction, hlm. 29.

aktiviti meliputi aktiviti muzik dan ia perlu direkod bagi mendapat data-data yang diperlukan serta kritikan daripada masyarakat perlu diambil.

Sebelum meneruskan kajian di lapangan pengkaji telah melakukan beberapa persedian awal. Pengkaji telah mempelajari gendang secara formal di Akademi Seni Kebangsaan Malaysia (ASK), Kuala Lumpur, selama enam bulan. Proses pembelajaran itu telah memberikan pengetahuan yang berguna kepada pengkaji sebelum meneruskan kajian lapangan di Kelantan dan Vietnam. Pengkaji telah didedahkan kepada teknik-teknik asas gendang dan sistem nemonik yang digunakan dalam pembelajaran alat muzik itu. Pada masa yang sama juga, pengkaji mempelajari gitar sebagai perdedahan untuk memahami dan membaca notasi muzik.

Pengkaji juga telah mempelajari bahasa Vietnam sebagai persediaan untuk membuat kajian lapangan di Vietnam. Keperluan bahasa amat penting semasa kajian di Vietnam terutama semasa sesi temubual. Selain itu, pengkaji juga mempelajari bagaimana untuk menguasai

teknik-teknik yang sesuai dalam memudahkan melakukan proses rakaman muzik dan mengambil foto.

Kajian lapangan di Kelantan dilakukan pada pertengahan tahun 1997 di Kampung Gerong, mukim Palekbang, Tumpat, Kelantan (Lihat lampiran A, Peta 1, halaman 240). Kajian itu memberi perhatian kepada muzik repertoire Wayang Kulit Siam dengan menyertai kumpulan Wayang Kulit Sri Setia di bawah pimpinan Seniman Negara Hamzah Awang Amat. Pada peringkat awal kajian, pengkaji berada bersama kumpulan ini selama dua belas minggu dengan mempelajari teknik-teknik asas tabuhan gendang dengan lebih berkesan. Pengkaji juga meneruskan kajian ini di Kuala Lumpur dengan menumpukan pembelajaran gendang di bawah pengawasan Hamzah Awang Amat. Hamzah Awang Amat juga merupakan pengajar muzik Wayang Kulit Siam di Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Namun, kajian lapangan di Kampung Gerong telah dilanjutkan selama tujuh minggu bagi memperolehi data-data yang masih diperlukan.

Proses pembelajaran alat muzik tabuhan berasaskan kepada sistem rote. Proses pembelajaran ini lebih kepada konsep peniruan bunyi yang dihasilkan oleh alat muzik secara penyebutan semula. Cara penyebutan semula bunyi itu akan didengar dan dihafal bagi mengingati semula bunyi yang dihasilkan itu. Pengkaji diajarkan menyebutkan bunyi gendang serentak dengan menabuh pada alat muzik yang digunakan semasa proses pembelajaran.

Manakala, kajian lapangan di Vietnam dilakukan pada pertengahan tahun 1999. Kajian lapangan memakan masa selama sebelas minggu. Kajian lapangan di Vietnam tertumpu di kawasan bandar raya Ho Chi Minh, Phang-rang dam Chau Dou (Lihat lampiran A, Peta 2, halaman 241). Pemilihan ketiga-tiga kawasan lapangan itu adalah kerana merupakan kawasan penempatan utama masyarakat Cam di Vietnam.

Pengkaji berada di bandar raya Ho Chi Minh selama lima minggu dengan mengikuti kumpulan kebudayaan Cam di Pusat Kebudayaan Minoriti Suku Bangsa Vietnam. Pengkaji telah menumpukan kajian ke atas muzik

repertoir Rija. Pengkaji juga mempelajari teknik-teknik asas tabuhan ginang dengan menggunakan sistem rote seperti mana proses pembelajaran di Kelantan.

Selepas itu, pengkaji telah meneruskan kajian penyelidikan di Phang-rang selama tiga minggu. Pengkaji telah pergi ke Phang-rang bersama dengan Phu Van Han yang bertindak sebagai pembantu kepada pengkaji. Di Phang-rang, pengkaji telah diperkenalkan kepada kumpulan Rija di bawah pimpinan Tran Binh.¹⁴ Semasa dalam kumpulan itu, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta. Walaupun masa kajian di Phang-rang singkat, pengkaji masih dapat memperolehi data-data yang diperlukan.

Pengkaji juga telah meneruskan kajian lapangan di Chau Dou terutama di Kampung Kartibung dan Kampung Pulau Ba. Pengkaji berada di Chou Dou hanya selama seminggu. Pengkaji hanya menggunakan kaedah pemerhatian

¹⁴ Ini adalah merupakan kumpulan Rija yang terdiri daripada golongan tua dan merupakan masyarakat Tani. Di mana, rata-rata umur pemain kumpulan Rija di antara 50 tahun hingga 70 tahun.

untuk memperolehi data-data kerana memandangkan tradisi repertoire masyarakat di Kampung Kartibung dan Kampung Pulau Ba banyak mempunyai mirip muzik keIslamam seperti muzik yang dimainkan mengiringi irama berzikir. Di mana, didapati bentuk baluh berbingkai seperti rebana atau *bana* yang digunakan dalam mengiringi muzik itu.

Selepas kajian lapangan di Chau Doc, pengkaji kembali semula ke bandar raya Ho Chi Minh bagi meneruskan kajian. Di bandar raya Ho Chi Minh, pengkaji masih mengikuti kumpulan kebudayaan Cam di Pusat Kebudayaan Minoriti Suku Bangsa Vietnam selama dua minggu. Ini adalah bertujuan memperolehi data-data yang masih diperlukan.

Selain menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta, kaedah temubual secara tidak formal dan formal juga digunakan semasa kajian ini. Kaedah temubual tidak formal digunakan kepada informan-informan yang tidak mempunyai pendidikan atau buta huruf. Kaedah temubual tidak formal dapat melahirkan hubungan yang baik di antara pengkaji dengan informan. Dengan kaedah temubual

tidak formal, informan dapat memberikan pendapat atau menceritakan pengalaman mereka tanpa merasa segan silih kepada pengkaji. Biasanya, kaedah temubual tidak formal dijalankan di dalam suasana mesra dan gembira sambil minum air atau menghisap rokok kerana cara ini amat disenangi oleh mereka.

Manakala, kaedah temubual bentuk formal pula digunakan kepada informan-informan yang mempunyai pendidikan tinggi dan berpengetahuan di dalam bidang yang berkaitan dengan kajian. Ini bersesuaian dengan kaedah temubual formal yang dilakukan secara rasmi di mana temujanji perlu terlebih dahulu dilakukan sebelum mengadakan sesi temubual. Sesi temubual formal dilakukan dengan berasaskan dan berpandu kepada soalan yang telah disediakan terlebih dahulu dan hanya berkaitan dengan kajian.

Pengkaji juga menggunakan kajian penyelidikan di perpustakaan bagi memperolehi data-data daripada kajian terdahulu. Bahan-bahan sekunder yang menjadi sandaran kepada pengkaji seperti buku-buku dan jurnal-jurnal

yang berkaitan dengan bidang kajian, disertasi dan latihan ilmiah yang berdasarkan teori yang digunakan sebelum ini turut dikaji. Selain itu, pengkaji juga merujuk kepada ensiklopedia dan kamus yang berkaitan dengan bahan kajian di samping melalui rakaman video, filem dan foto samada daripada sumber primari atau sekunder.

Pengkaji telah membuat penyelidikan di beberapa buah perpustakaan di Malaysia dan Vietnam. Kajian penyelidikan perpustakaan di Malaysia dilakukan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Bilik Sumber Muzium Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri cawangan Kelantan, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Malaysia.

Pengkaji juga telah membuat penyelidikan di beberapa buah perpustakaan semasa berada di bandar raya Ho Chi Minh, Vietnam iaitu Perpustakaan Institut Sains Sosial Bandar raya Ho Chi Minh, Perpustakaan Pusat Kebudayaan Bandar raya Ho Chi Minh, Perpustakaan Persatuan Minoriti Suku Bangsa Vietnam dan Perpustakaan Fakulti Asia Tenggara, Universiti Terbuka Bandar raya Ho Chi Minh.

Semasa membuat penyelidikan di lapangan dalam bentuk kaedah pemerhatian ikut serta terdapat beberapa alat-alat bantuan telah digunakan semasa penyelidikan. Alat-alat bantuan adalah seperti alat rakaman muzik, alat merakam foto, buku catatan nota dan video rakaman telah banyak membantu semasa kajian dilapangan.

Semasa berada di kajian lapangan, pengkaji telah menggunakan alat rakaman muzik dan alat merakam foto. Pengkaji telah menggunakan alat perakam muzik model Panasonic kerana alat perakam itu telah tersedia perakam mikrofon di bahagian dalamnya. Pengkaji juga menggunakan kaset rakaman jenis Sony HF yang mempunyai

jangka masa rakamannya enam puluh minit dalam satu masa. Pengkaji telah menggunakan sebanyak 25 keping kaset rakaman bagi setiap sesi pemerhatian ikut serta dan sesi temubual di Kelantan dan Vietnam. Setiap keping kaset rakaman telah ditandakan mengikut nombor bilangan dan tarikh rakaman. Manakala, alat rakaman foto pengkaji telah menggunakan kamera foto jenis Yashica dengan lensa 35 mm.

Ulasan penulisan muzik Melayu Kelantan dan Campa

Beberapa penulisan sarjana barat dan tempatan yang membincangkan muzik Melayu Kelantan seperti Patricia Matusky, William P. Malm, Mubin Sheppard dan J. Sunetra Fernando wajar diulas.

Patricia Matusky telah menghasilkan penulisan muzik perwayangan iaitu Music in the Malay Shadow Puppet Theatre (1980). Penulisan beliau mengenai muzik di dalam Wayang Kulit Siam yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama dengan memberikan tumpuan kepada Dalang muda iaitu seorang dalang yang perlu

mengetahui teknik-teknik asas persembahan Wayang Kulit Siam. Pada bahagian kedua pula dibincangkan mengenai struktur muzik dan drama bagi memberikan gambaran plot cerita yang berdasarkan lagu.

Manakala, penulisan oleh William P. Malm pula iaitu Studies in Malaysia Oral and Musical Traditions: Music in Kelantan, Malaysia and Some of its Cultural Implications yang diterbit pada tahun 1974 oleh Centre of South and Southeast Asian Studies, University of Michigan. Malm telah menyentuh beberapa muzik Melayu Kelantan seperti muzik Wayang Kulit Siam, muzik Makyong, muzik gendang silat dan muzik hadrah dengan memberikan penekanan perbincangan terhadap struktur persesembahan dan struktur muzik.

Begitu juga dengan Mubin Sheppard. Beliau telah menghasilkan penulisan mengenai muzik Melayu Kelantan seperti Taman Indera (A Royal Pleasure Ground) Malay Decorative Arts and Pastimes (1972). Sheppard telah merujuk mengenai hubungan muzik dengan seni lakon utama seperti Makyong dan Wayang Kulit Siam. Sheppard juga

telah menyenaraikan alat-alat muzik yang digunakan dalam Makyong dan Wayang Kulit Siam. Begitu juga, cara pembuatan alat muzik yang digunakan di dalam permainan Makyong dan Wayang Kulit Siam turut dibincangkan.

Manakala J. Sunetra Fernando yang telah melihat aspek Lagu menghadap rebab yang terdapat pada muzik Makyong sebagai kajian sarjana beliau iaitu Lagu menghadap Rebab in the Mak Yong Theatre of Kelantan and South Thailand: An Interpretive Musical Analysis (1996). Kajian ini mengenai hubungan lagu menghadap rebab dengan unsur "angin". Tujuan pokok lagu menghadap rebab merujuk membangunkan "angin", yang dikonsepsikan sebagai lambang kepada seorang raja mitos, dari dalam jiwa pelakon wanita utama (Pak Yong), sebagai persediaan bagi persembahan Makyong. Dalam kajian itu, "angin" dilihat sebagai sesuatu pengkhususan semangat yang berkaitan dengan kehidupan dan sumber segala penciptaan dalam masyarakat Melayu tradisional. Sunetra juga mengariskan kepentingan alat muzik utama Makyong iaitu alat rebab dari segi ritual dan muzik sebagai penghasil angin. Dalam kajian itu, Sunetra menerangkan

"angin" dilahirkan melalui senikata, bentuk muzik, gaya rentak dan melodi.

Mengenai penulisan muzik Cam pula terdapat beberapa penulisan muzik Cam telah ditulis di dalam bahasa Perancis dan bahasa Vietnam. Penulisan dalam bahasa Perancis adalah seperti Les instruments de musique chez les Muong (1939) yang ditulis oleh P. Huard, La musique Vietnamienne traditionnelle (1962) oleh Tran Van Khe dan Panorama de la musique classique Vietnamienne: des origines a nos jours (1964) oleh Thai Van Kiem. Namun, pengkaji tidak mempunyai kemampuan untuk mengulas bahan penulisan tersebut kerana tidak menguasai bahasa Perancis.

Namun begitu, terdapat beberapa penulisan muzik Cam dalam bahasa Vietnam yang ditulis oleh Phan Duy, Amu Nhan, Le Huy dan Hay Tran. Mereka telah berusaha mencari dan mengumpul data untuk dimuatkan ke dalam beberapa penulisan mengenai muzik Cam.

Phan Duy merupakan seorang penyelidik muzik Vietnam dengan menumpukan kajian penyelidikan beliau mengenai muzik rakyat. Phan Duy juga telah menghasilkan penulisan mengenai muzik Cam dan dimuatkan ke dalam bukunya iaitu Dan Nhac O Vietnam (Muzik rakyat Vietnam) yang diterbit pada tahun 1972. Phan Duy telah menyentuh secara ringkas mengenai muzik dan alat muzik masyarakat Cam dengan menekan kepada latarbelakang sahaja. Beliau juga membincangkan beberapa buah lagu yang mempunyai hubungan dengan upacara ritual.

Begitu juga dengan Amu Nhan yang merupakan penyelidik bangsa Cam turut berminat dalam mengkaji muzik Cam. Penulisan beliau mengenai muzik Cam yang bertajuk "Nhac o Cham" ("Muzik Bangsa Cam") di dalam Kinhte Vanttoa Dantoc Cham (Ekonomi dan Kebudayaan Bangsa Cam) (1992). Beliau membincangkan alat-alat muzik yang terdapat pada masyarakat Cam dengan merujuk kepada ciri-ciri dan bentuk-bentuk alat muzik. Selain itu, beliau juga membincangkan setiap fungsi yang terdapat pada alat-alat muzik masyarakat Cam.

Le Huy dan Hay Tran telah melakukan penyelidikan secara bersama mengenai muzik Vietnam. Penulisan mereka terdapat dalam buku Nhac Khi Dan Toc Viet Nam (Alat Muzik Vietnam) (1984). Penulisan mereka lebih menumpukan kepada muzik dan alat muzik masyarakat Vietnam. Namun begitu, mereka juga membincangkan alat-alat muzik kaum minoriti yang terdapat di Vietnam secara umum. Mereka berdua telah membahagikan perbincangan alat-alat muzik mengikut klasifikasi Sachs-Hornbostel.

Teori yang digunakan

Kajian ini telah menggunakan teori akulturasi. Ini adalah kerana teori akulturasi dapat menerangkan bagaimana berlaku pengaliran keluar alat muzik tabuhan ke Campa. Sebelum itu, teori akulturasi perlu diperjelaskan untuk memberikan kefahaman.

Teori akulturasi menyatakan bahawa suatu proses yang berlanjutan di mana sesuatu budaya diserap atau menyerap ke atas sesuatu budaya yang lain bersama-sama

berlaku dengan pengubahsuaian.¹⁵ Pengubahsuaian merujuk kepada penyesuaian ke atas sesuatu budaya untuk mengadaptasikan sesuatu budaya baru. Masyarakat yang menerima budaya baru akan mengubahsuaikan mengikut budaya tempatan tanpa menghilangkan identitinya.

Berdasarkan ulasan teori akulturasi, pengkaji mendapati bahawa teori itu amat bersesuaian dengan kajian yang sedang dijalankan. Teori akulturasi dapat menjelaskan hipotesis yang menyatakan bahawa hubungan kebudayaan di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Campa berlaku berdasarkan alat muzik tabuhan.

Selain itu, teori akulturasi digunakan dalam kajian ini kerana didapati kedudukan geografi di antara kedua-dua wilayah Kelantan dan Campa yang berhampiran. Kedua-dua wilayah Kelantan dan Campa hanya dipisahkan oleh Teluk Siam. Didapati masyarakat Melayu Kelantan dan Campa menjalin hubungan pedagangan kerana ramai pelayar dari Kelantan telah pergi berdagang atau

¹⁵ David L. Sills, ed., International Encyclopedia of the Social Sciences, Volume 1 (New York: The Macmillan Companys & The Free Press, 1972), hlm. 22.

singgah di Campa.¹⁶ Semasa menunggu perubahan angin, pelayar atau pedagang akan menetap buat sementara waktu di Campa dan pada masa yang sama mereka akan menyebarkan kebudayaan mereka kepada penduduk tempatan melalui pergaulan sehari-hari. Kebudayaan yang diamalkan oleh pelayar atau pedagang Melayu Kelantan telah diterima oleh masyarakat Cam dan disesuaikan mengikut kebudayaan masyarakat mereka.

Begitu juga teori akulturasi digunakan kerana berdasarkan kepada faktor sejarah antara masyarakat Melayu Kelantan dan Campa. Dalam sejarah ada menerangkan bahawa terdapat pahlawan-pahlawan Melayu Kelantan datang membantu kerajaan Campa berperang dengan Annam (Vietnam) sejak abad ke empat sehingga abad ke-19.¹⁷ Biasanya, pahlawan-pahlawan Melayu

¹⁶ Kenneth R. Hall, Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia (Honolulu: University of Hawaii Press, 1985), hlm. 184-185. Lihat juga kepada P. B. Lafont, "Hubungan antara Campa dengan Asia Tenggara." dalam Dunia Melayu dan Dunia Indocina, ed., Ismail Hussein, P. B. Lafont dan Po Dharmma (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 214.

¹⁷ Po Dharmma, "Peranan Putera Melayu di Campa (Vietnam Tengah) dalam Sosiopolitik dan Agama," dalam Tamadun Melayu, Jilid Tiga, ed., Ismail Hussein, A. Aziz

Kelantan diupah sebagai tentera upahan. Pahlawan-pahlawan Melayu itu akan tinggal di Campa dengan membuatkan petempatan mereka sendiri dan mengamalkan kebudayaan mereka. Kebudayaan mereka telah diterima dan diamalkan oleh masyarakat tempatan (Cam).

Faktor-faktor yang dinyatakan dan dibincangkan telah menerangkan kenapa teori akulturasi digunakan dalam kajian ini. Teori akulturasi dapat menggambarkan kemasukan budaya luar (budaya masyarakat Melayu Kelantan) yang dapat diterima oleh budaya tempatan (masyarakat Cam) dan budaya luar telah diubahsuaikan mengikut budaya tempatan.

Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 1124-1127.